

Siti Nurhaliza

"Oda Bumi Anbia"

Visit "[Oda Bumi Anbia](#)" on MotoLyrics.com

Prologue

Izinkan ku bercerita
Sebuah kisah yang telah engkau tahu
Dari kaca TV dan dada-dada akhbar
Kau sendiri melihat dan mendengarnya, bukan?
Penganiayaan satu bangsa terhadap
Satu bangsa yang lain
Beginilah apabila kemanusiaan
Di penghujung kewarasan

Merengkok tubuh mungil
Diatas pasir berbumbung langit
Entah apalah dosanya
Rebah dihinggapi peluru yang tak bermata

Berkawat lasykar angkuh
Dibalik jentera perisainya
Berselendangkan senjata
Tiada belas nuraga nun dihatinya

Dunia bagai pejamkan mata
Serta terpasung tangannya
Tidak mampu berbuat apa
Sedangkan mungkar ber-rajah
(oh..mengapa?â€|oh)

Monologue

Netzarim, Khan Yunis, Gaza, Jenin
Nablu dan sepanjang tebing barat
Hari demi hari
Layskar angkuh ini
Terus mengganas mencari mangsanya
Kanak-kanak atau orang tua
Tidak mengapa
Pada mereka sama sahaja!!!

Mengalir darah merah
Di atas bumi suci Anbia
Laungan intifada
Bergema membakar semangat perjuangan

Epilogue

Sampai bilaâ€¦?

Sampai bilakah penindasan dan

Kekejaman ini akan berterusan?

Sampai bilakah bumi Anbia ini akan terus

Menyaksikan pertumpahan darah?

Sampai bila rakyatnya harus terus

Terkapai-kapai mencari keadilan dan kebebasan?

Aku sendiri menanti jawapnyaâ€¦!

Visit [Siti Nurhaliza](#) page on MotoLyrics.com, to get more lyrics and videos.

[MotoLyrics.com](#) | Lyrics, music videos, artist biographies, releases and more.